

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	16 January 2016

Mukhriz sedih, kecewa mural Mahathir diconteng

Um - 16/1/2016

BANDAR BAHARU 15 Jan. - Menteri Besar, Datuk Seri Mukhriz Mahathir mengakui kecewa dan sedih terhadap perbuatan menconteng mural bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang menjadi tarikan pelancong di Pekan Melayu, Alor Setar baru-baru ini.

Menyifatkan tindakan itu sebagai 'mencacatkan', beliau menzahirkan harapan agar perkara tersebut tidak berulang lebih-lebih lagi ketika negeri ini berusaha untuk menarik kedatangan pelancong sempena Tahun Melawat Kedah.

"Saya rasa sedih dan kecewa melihat apa yang berlaku dan sudah pun mengarahkan agar contengan itu dicuci. Saya juga hendak menegur agar tidak ada lagi pihak yang melakukan vandalisme bukan saja pada mural malah di seluruh bandar raya Alor Setar.

"Tak perlulah buat perkara yang bukan-bukan kerana tindakan sebegitu hanya mencacatkan keindahan Alor Setar. Perlu disedari, mural tersebut merupakan satu daya tarikan bagi pelancong yang melawat ke negeri ini," katanya di sini hari ini.

Sejak disiapkan pertengahan tahun lalu, mural Perdana Menteri Keempat tersebut yang turut diserikan dengan lukisan ikon negara cetusan ideanya seperti Menara Berkembar Petronas serta kereta Proton Saga, menjadi tumpuan pelancong 'dalam dan luar negara untuk bergambar.

Bagaimanapun, baru-baru ini, terdapat individu yang menconteng di ruang kosong di tenggah-tengah mural berkenaan sehingga menimbulkan kemarahan banyak pihak terutamanya rakyat negeri ini, menyebabkan mereka menzahirkan rasa tidak puas hati di laman sosial.

Dalam perkembangan lain, Mukhriz turut menjelaskan mengenai kekeliruan yang timbul berhubung penjenamaan semula Bandar Baharu seperti dilaporkan beberapa akhbar sebelum ini.

"Dakwaan mengatakan keseluruhan Bandar Baharu ini akan bertukar nama kepada Bandar Crustacea adalah tidak tepat," katanya.